



Dua minggu sebelum konvokesyen disahkan menghidap kanser tahap empat

Oleh [Ruwaida Md Zain](#) - November 26, 2022 @ 2:47pm
bhnews@bh.com.my



Anis Mardiana pada Istiadat Konvoksyen ke-95 UiTM. - Foto RUWAIDA MD ZAIN

SHAH ALAM: Dua minggu sebelum tarikh konvokesyen disahkan menghidap kanser kolon atau usus tahap empat tidak mematahkan semangat Dr Anis Mardiana Abdullah, seorang daripada penerima anugerah pada Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-95, hari ini.

Anis Mardiana, 45, berjaya menamatkan pengajian dalam bidang Doktor Falsafah (Pengangkutan dan Logistik) tetap menggagahkan diri berdiri ketika menerima skrol ijazah kedoktoran (PhD) daripada Pro-Canselor UiTM, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Penerima Anugerah Hadiah Buku Inovasi Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) itu berkata, dia enggan menggunakan kerusi roda kerana tidak mahu menyusahkan orang lain malah masih merasakan mampu berdiri walaupun dalam tempoh sekejap.

"Saya tidak sangka dapat anugerah ini (dalam keadaan kesihatan tidak menentu). Alhamdulillah segalanya berjalan lancar (konvoksyen).

"Semasa sambung belajar, tiada simptom teruk, ada sikit-sikit termasuk tangan menggeletar bila menulis... saya ingat stres belajar tetapi sekarang ini baru saya tahu keadaan kesihatan saya agak teruk.

"Selepas tamat belajar, saya buat pemeriksaan..doktor sahkan kanser tiroid. Saya ingat setakat itu saja tetapi keadaan kesihatan masih tidak baik, jadi dua minggu lalu selepas buat pemeriksaan, saya didiagnosis kanser kolon tahap empat," katanya ketika ditemui selepas istiadat konvokesyen itu, hari ini.

Katanya, dia akan meneruskan rawatan dan menjalani pembedahan berkaitan penyakitnya itu di Hospital Canselor Tuanku Muhriz, minggu depan.

Mengulas mengenai pengajiannya pula katanya, pengalaman sebagai pegawai di Kementerian Kewangan amat membantunya, begitu juga sokongan keluarga terutama suami dan anak tunggalnya.

"Kepada adik-adik yang sedang meneruskan pengajian PhD, jangan putus asa. Mungkin ramai beranggapan apabila membuat PhD ini umpama 'lonely journey'.

"Sebenarnya adalah mudah apabila kita mencari kawan dan baik dengan penyelia kita dalam menyelesaikan tugas," katanya.

Bagi Siti Shakinah Sobri, 36, yang sarat mengandung sembilan bulan sanggup menempuh perjalanan lebih 400 kilometer dari Alor Setar, Kedah semata-mata demi ijazah Sarjana Perubatan Patologi Anatomi.

Malah pada awalnya, hasrat menghadiri istiadat konvoksyen itu dihalang suaminya namun segalanya dipermudahkan.

Beliau yang bertugas di Bahagian Patologi Hospital Tuanku Fauziah, Kangar di Perlis amat bersyukur kerana tahun ini bukan hanya tamat pengajian di peringkat sarjana, sebaliknya bakal menimang cahaya mata pertama bulan depan.

"Syukur dapat tamatkan pengajian dan memang berhasrat menyambung pengkhususan dalam kepakaran patologi," katanya ketika ditemui selepas sidang pertama istiadat konvokesyen.